

# PANDEMIK COVID-19 GARISPANDUAN PENGURUSAN

VERSI 2 – MAC 2020



**PERSATUAN  
FARMASI  
MALAYSIA**

<https://www.mps.org.my/>

<https://www.facebook.com/MalaysianPharmaceuticalSociety/>

## **BERSEDIA**

LANGKAH-LANGKAH  
PERSEDIAAN AHLI FARMASI  
UNTUK MELAWAN WABAK

## **MENCEGAH**

PENCEGAHAN DAN LAWAN  
INFEKSI UNTUK FARMASI  
KOMUNITI

## **MENGURUS**

PENGURUSAN BEKALAN  
FARMASEUTIKAL



# **PANDEMIK COVID-19**

**GARISPANDUAN PENGURUSAN BAGI AHLI FARMASI**

## **TUJUAN**

Garis panduan ini merupakan cadangan pengurusan premis farmasi daripada Persatuan Farmasi Malaysia (MPS) dalam menangani penyakit respiratori yang disebabkan oleh virus SARS-CoV-2 ataupun singkatannya COVID-19. Pada 30 Mac 2020, wabak ini telah diwartakan sebagai penyakit pandemik, dimana ia telah merebak kepada lebih 200 buah negara dan mengakibatkan lebih 725,000 kes pesakit seluruh dunia. Di Malaysia, peningkatan kes setiap hari turut memberi kesan kepada ahli farmasi komuniti. Sehubungan dengan itu semua ahli farmasi haruslah turut mengambil peranan untuk menghentikan penularan wabak ini.

Tujuan utama dokumen ini diwujudkan adalah untuk menyebarkan maklumat yang relevan, seterusnya turut digunakan sebagai garis panduan mengenai penyebaran wabak COVID-19, cara-cara mengatasi dan membendung penyebaran wabak ini di kalangan ahli farmasi dan kakitangan farmasi, dalam usaha untuk menyumbang khidmat ke dalam sistem pengurusan kesihatan.



# SEDIAKAN PASUKAN ANDA

MEMASTIKAN KESELAMATAN DAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN FARMASI

## SENTIASA AMBIL MAKLUM DENGAN MAKLUMAT TERKINI MENGENAI SITUASI COVID-19 TEMPATAN

Ahli farmasi bertanggungjawab untuk memberi maklumat yang sahih. Bagi tujuan tersebut, sediakan senarai semak dan layari laman web rasmi, kemaskini aplikasi atau mesej teks untuk mengetahui situasi semasa dan juga menjangka keperluan tambahan.

Jangan berkongsi maklumat yang tidak disahkan dan semak sumber baru untuk memastikan maklumat yang diperolehi dipercayai dan tepat. Sekiranya ada keraguan, sila rujuk kepada siaran akhbar rasmi (bukan saluran media atau media sosial).

## SUMBER PENTING

- (1) Majlis Keselamatan Negara (MKN) <https://t.me/MKNRasmi>
- (2) Portal Covid-19 Kementerian Kesihatan Malaysia <http://www.moh.gov.my/index.php/page/view/2274>
- (3) Twitter Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) <https://twitter.com/KKMPutrajaya>
- (4) CPRC Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) <https://t.me/cprckkm>
- (5) Facebook Kementerian Kesihatan Malaysia <https://www.facebook.com/kementeriankesihatanmalaysia/>
- (6) Pusat Covid-19 WHO <https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019>



## SEKIRANYA DISYAKI BERPENYAKIT

- Sediakan pesakit dan pasangan pesakit serta merta dengan topeng muka dan pastikan ia dipakai dengan kemas
- Pastikan kakitangan yang terlibat memakai pakaian pelindung (topeng muka, sarung tangan dan goggles)
- Elakkan sebarang pendedahan secara sentuhan fizikal dan melalui pernafasan atau sebarang cecair rembesan daripada pesakit
- Bawa pesakit ke kawasan atau bilik asing untuk berbincang tentang kondisi pesakit
- Bantu pesakit untuk menghubungi pusat pemeriksaan yang berdekatan untuk pemeriksaan seterusnya
- Sekiranya pesakit tidak stabil, segera aturkan pengangkutan ke hospital yang berdekatan (gunakan khidmat ambulans sekiranya perlu).
- Sekiranya pesakit stabil dan tidak menunjukkan sebarang simptom, arahkan pesakit untuk pulang ke rumah dan mengasingkan diri di rumah sehingga pesakit dapat diperiksa.
- Buang pakaian pelindung satu per satu selepas tamat konsultasi. Amalkan 'hand hygiene' pada setiap masa.

## MEMBINA KERJASAMA DENGAN PENGAMAL PERUBATAN DAN KESIHATAN AWAM DI KOMUNITI

Ahli farmasi perlu mengenalpasti pihak yang terlibat dalam mengedar ubat-ubatan dan alatan perubatan bagi pengamal perubatan dan kesihatan awam dalam komuniti masing masing. Ini termasuklah klinik- klinik swasta, fasiliti kesihatan awam yang membuat rujukan pesakit, serta farmasi atau pembekal perubatan alternatif untuk mengelakkan kekurangan stok ubat-ubatan dan bantuan alat perubatan yang penting.

## SENARAIKAN NAMA DAN NOMBOR UNTUK DIHUBUNGI BAGI PENGEDAR ALAT ALATAN PERUBATAN DI KAWASAN ANDA

## PASTIKAN KAKITANGAN ANDA DILATIH DAN BERSEDIA UNTUK WAKTU KECEMASAN

Kakitangan perlu dilatih untuk mengendali situasi kecemasan. Ahli farmasi perlu merancang pelan kecemasan untuk mengendalikan keadaan apabila terdapat kes COVID-19 di farmasi masing masing. Pelan kecemasan termasuklah pengurusan ubat – ubatan, pencegahan epidemik, pengurusan kes yang sedia ada, laporan kejadian dan lain lain.

## RINGKASAN UTAMA DALAM TAKLIMAT KEPADA KAKITANGAN:

- (1) Prosedur pembersihan dan nyahkuman
- (2) Melaporkan kepada penyelia sekiranya ada membuat perjalanan keluar negara atau sejarah kontak dengan pesakit atau suspek yang mempunyai simptom COVID-19
- (3) Peranan dan tanggungjawab setiap kakitangan
- (4) Menjalankan kakitangan yang bertanggungjawab sekiranya ada kecemasan COVID-19
- (5) Keperluan untuk mengelakkan kontak dan prosedur isolasi
- (6) Penggunaan alat perlindungan kakitangan (PPE) sekiranya perlu
- (7) Lokasi penyaringan dan rujukan kes

## MENGENALPASTI COVID-19

ADAKAH PESAKIT MEMPUNYAI SIMTOM KLINIKAL BERIKUT :-

- **DEMAM** atau **BATUK** ( demam atau tanpa demam)
- **KESUKARAN UNTUK BERNAFAS** (demam atau tanpa demam) DAN, adakah pesakit
- **MEMBUAT PERJALANAN JAUH MELIBATKAN NEGARA NEGARA BERISIKO TINGGI DALAM MASA 14 HARI** atau
- **MEMPUNYAI HUBUNGAN RAPAT/ KONTAK DENGAN PESAKIT COVID-19.**

Sekiranya pesakit tidak mempunyai symptom seperti di atas, teruskan dengan protokol yang disediakan.

## LATIH KAKITANGAN MENGENAI PROTOKOL SEKIRANYA ADA PENGUNJUNG FARMASI YANG DISYAKI POSITIF COVID-19

Sekiranya ada dikalangan pengunjung farmasi yang disyaki membawa wabak, situasi harus dikawal seperti langkah langkah atau protokol di bawah

- (1) Tutup pintu dengan rapat / Kosongkan kawasan yang terlibat. Sekiranya perlu, hentikan operasi farmasi dan halang kakitangan yang tidak terlibat daripada memasuki farmasi.
- (2) Anginkan bilik dengan membuka pintu atau tingkap Dilarang menggunakan kawasan tersebut sehingga telah dinyahkuman. Petugas yang bertanggungjawab harus memakai sarung tangan, pakaian perlindungan diri dan topeng muka.
- (3) Gunakan produk pembersih yang didaftarkan seperti alcohol 70%, sodium hypochlorite 1,000ppm (senarai penuh di bawah) dan sabun basuh untuk membersihkan kawasan yang terlibat. Sisa pembersihan daripada kawasan kontaminasi harus dibuang sebagai sisa bahan klinikal.
- (4) Sekiranya pengunjung yang disyaki berada di kawasan awam, seperti tandas atau ruang menunggu, kawasan tersebut harus dibersihkan dengan pencuci dan dinyahkuman secepat mungkin.
- (5) Selepas dinyahkuman, kawasan tersebut boleh digunakan seperti biasa.

## SENARAI TALIAN KECEMASAN

### TALIAN KECEMASAN (CPRC) KEBANGSAAN:

03-88810200 / 03-88810600 / 03-88810700

Email: cprc@moh.gov.my

### TALIAN KECEMASAN CPRC NEGERI:

<b>PERLIS</b> 04-976 6317 (Isn - Kha: 8pg-5ptg) 019-278 0408 @ 019-400 1070 (Selepas Waktu Bekerja/ Cuti Am) Email: cprc.pls@moh.gov.my	<b>KEDAH</b> 04-774 6081(Ahd - Rabu:8pg- 5ptg) 04-774 6063 (Kha: 8pg-3.30ptg) 04-774 6072(Jum – Sab/ Cuti Am: 8pg-12tgh) Email:vektor.kdh@moh.gov.my
<b>PULAU PINANG</b> 04-262 9902 (Isn - Jum: 8pg-5ptg, Sab - Ahad/Cuti Am: 10pg-2ptg) Email: epid_penang@moh.gov.my	<b>PERAK</b> 05 – 243 3962(Isn – Jum:: 8pg-5ptg, Sab – Ahad/ Cuti Am : 10pg-2ptg) Email: cprcprk@moh.gov.my
<b>SELANGOR</b> 03-5123 7251 @ email: bgdenggisel@moh.gov.my (Isn-Jum:8pg-5ptg) 03-5123 7252 @ email: cprc_sel@moh.gov.my (Sab-Ahad/Cuti Am:9pg-2ptg)	<b>KUALA LUMPUR</b> 03-2697 7710 @ 03-2697 7730 (Isn- Jum:7.30pg-5.30ptg) 03-2698 3757 (Sab-Ahad/Cuti Am: 11pg-3ptg) Email: cprckl@moh.gov.my
<b>NEGERI SEMBILAN</b> 06-764 1326 (Setiap hari:8pg-5ptg) Email: cpbv_ns@moh.gov.my	<b>PAHANG</b> 09-570 7910, 09-570 7914 @ 09-570 7909 (Isn-Jum:9pg-5ptg) Email: cprc_pahang@moh.gov.my
<b>MELAKA</b> 06-288 3019 @ 06-234 5999 (Isn-Jum:8pg-5ptg) 06-288 3019 (Sab-Ahad/Cuti Am: 10pg-2ptg) Email:cprcmelaka@moh.gov.my	<b>JOHOR</b> 07-238 2217 (Ahad-Rabu:8pg-5ptg) 07-236 3305 (Khamis: 8pg-3.30ptg) Email: cprcknj@gmail.com
<b>TERENGGANU</b> 09-619 6269 (Ahad-Rabu:8pg- 5ptg) 09-635 3752 (Khamis:8pg- 3.30ptg) (Jum-Sab/Cuti Am: 9pg-3.30ptg) Email: kpbv.trg@moh.gov.my	<b>KELANTAN</b> 09-747 2089 (Ahad-Rabu:8pg-5ptg, Kha: 8pg-3.30ptg, Jum-Sab/Cuti Am: 8pg-12tgh) Email: cprc_kel@moh.gov.my
<b>SABAH</b> 088-219455, 088-512531 @ 088- 512533 (Isn-Jum:8pg-5ptg) Email:sbhccprc@moh.gov.my	<b>SARAWAK</b> 082-443248 (Isn-Jum: 8pg-5ptg, Sab-Ahad/Cuti Am: 9pg-3ptg) Email:cprc_sarawak@moh.gov.my
<b>LABUAN</b> 087-410973 @ 016-919 5425 (Isn- Jum:8pg-5ptg), 016-9195426 (Sab- Ahad/Cuti Am) Email: cprclabuan@gmail.com	

**LAIN-LAIN:**  
Agensi Pengurusan Bencana Negara  
03-8870 4800

## PASTIKAN SENARAI TALIAN KECEMASAN DIKEMASKINI DAN TERSEDIA

Ahli farmasi perlu memastikan agar talian kecemasan berdekatan dikemaskini dan boleh dihubungi. Senarai ini perlulah boleh dikongsi dan dicapai dengan mudah.

## PENGENDALIAN SUMBER MANUSIA (KEHADIRAN & SEDIA BERADA)

Ketika wabak berleluasa, kehadiran kakitangan akan terjejas disebabkan oleh kejadian yang tidak diduga. Sediakan jadual waktu kerja yang berbeza – termasuk cadangan pembahagian kakitangan kepada dua waktu kerja sekiranya perlu bagi mengurangkan risiko kontak dengan pesakit COVID-19. Sebagai tambahan sediakan ‘Surat Pengesahan Majikan’ kepada setiap kakitangan bagi memastikan perjalanan ke tempat kerja tidak terjejas sekiranya terjadi perintah kawalan pergerakan.

## MEMERIKSA DAN MENGEMASKINI KEADAAN DIRI DAN KAKITANGAN SETIAP HARI

Berkongsi informasi terkini mengenai COVID-19 dan potensi penularan wabak COVID-19 dengan semua kakitangan. Pantau keadaan dan kondisi fizikal dan mental kakitangan sewaktu penularan wabak. Selesaikan masalah yang diutarakan dengan segera. Jalani pemeriksaan suhu badan kakitangan secara berskala dan rekod suhu badan sebagai rujukan.

## LINDUNGI PESAKIT DAN KAKITANGAN ANDA

Premis farmasi tidak boleh menjadi penyumbang kepada penularan wabak COVID-19 di kalangan komuniti dan harus bersedia dalam memberi perkhidmatan kesihatan yang berterusan. Oleh itu, langkah langkah aktif perlu dilakukan untuk mengenalpasti kes sekaligus mencegah penularan wabak.

## MENGALAKKAN PENGGUNAAN TOPENG MUKA DAN MENINGKATKAN KEBERSIHAN

Pemakaian topeng muka sebagai salah satu cara pencegahan dapat membantu mengurangkan penularan penyakit-penyakit respiratori termasuklah COVID-19. Walaubagaimanapun, **penggunaan topeng muka sahaja tidak dapat memberi perlindungan penuh** dan oleh sebab itu langkah langkah pencegahan yang lain perlu dilaksanakan.

WHO mencadangkan agar kakitangan kesihatan memakai topeng muka, disusuli dengan pencucian tangan dengan 'hand sanitizer' berunsurkan alkohol ataupun dengan menggunakan air dan sabun menggunakan teknik yang betul. Sila rujuk kepada infografik disebelah kanan untuk langkah langkah pencucian tangan dengan betul.

Sehubungan dengan itu, kakitangan farmasi perlu menukar atau mencuci 'white coat' atau uniform dengan lebih kerap dan mengelakkan penggunaan alat aksesori seperti jam tangan, rantai tangan atau cincin. Ahli farmasi harus **memastikan topeng muka disimpan untuk keperluan kes kes yang disyaki sahaja**

## PENGURUSAN KEHENDAK PESAKIT & MENDIDIK ORANG AWAM

Keperluan pesakit harus diutamakan dengan memberi informasi kepada pesakit mengenai pertukaran polisi, langkah langkah penjagaan tambahan, servis consultant ubat melalui telefon, waktu perniagaan dan keadaan stok terkini. Sediakan notis dan arahan dengan terang dan nyata bagi mengelakkan sebarang kekeliruan. Pastikan pesakit anda diberitahu sekiranya terdapat perubatan dalam polisi servis, langkah berjaga-jaga, servis yang ditawarkan melalui telefon, waktu beroperasi dan pembekalan stok perubatan di farmasi. Sediakan arahan dan notis yang jelas bagi mengelakkan kekeliruan kepada pesakit. Penggunaan platform sosial media boleh digunakan untuk berkongsi sebarang info terkini.

## RAMALKAN PERBEZAAN REAKSI PESAKIT

Buat masa ini, pesakit akan bergegas mengunjungi premis farmasi dan berkeras untuk mencari alat alat perlindungan. Apabila berada di situasi sedemikian, adalah difahami bahawa tekanan emosi akan berada di tahap tinggi. Oleh sebab itu, digalakkan untuk melatih kakitangan farmasi langkah langkah untuk mengelakkan konflik dan mengingatkan kakitangan supaya mengambil pendekatan dalam keadaan tenang bagi mencapai objektif. Kenalpasti pesakit yang mempunyai tingkahlaku berikut:

- (1) Sihat tetapi bimbang (Worried Healthy) – Tidak sakit dan berkemungkinan akan membuat pembelian panik. Nasihati orang awam akan langkah langkah pencegahan dan mematuhi arahan kesihatan awam dengan tinggal di rumah.
- (2) Sakit tetapi tidak bimbang (Unworried Sick) – Pesakit tidak mengikuti langkah langkah pencegahan walaubagaimanapun ada menunjukkan simptom. Periksa suhu badan, sediakan topeng muka dan rujuk kepada fasiliti saringan kesihatan yang berdekatan.
- (3) Pembawa Berita Buruk (Bearer of Fake News) – Perbetulkan silap faham dan nasihati pesakit untuk merujuk kepada rujukan informasi yang betul.
- (4) Kumpulan Berisiko (At-Risk Groups) – Nasihati pesakit (kategori pesakit berumur) untuk mengambil langkah langkah pencegahan tambahan bagi mengelakkan jangkitan penyakit.

**Topeng Muka Perubatan** boleh digunakan untuk mengelak penyebaran jangkitan penyakit respiratori

Terdapat 2 jenis topeng mulut yang diluluskan: topeng muka jenis perubatan dan topeng muka N95.

**Topeng muka jenis perubatan** tidak melekap dengan terlalu kemas, mengelakkan pemakai daripada menyebarkan rembesan atau titisan ketika batuk atau bersin.

**Topeng muka N95** melekap dengan lebih kemas dan mengelakkan pemakai daripada risiko menyedut atau menghidu zarah kuman di dalam udara. Topeng N95 tidak digalakkan untuk kegunaan orang awam.

**Topeng muka hanya perlu dipakai oleh**

- ✓ Individu yang menunjukkan symptom penyakit seperti batuk, bersin dan kadang kala demam
- ✓ Kakitangan kesihatan
- ✓ Individu yang menjaga pesakit respiratori

**Cara Memakai Topeng Muka**

- 1 Cuci tangan sekurang-kurangnya 20 saat sebelum memakai topeng muka
- 2 Pasangkan topeng muka pada hidung dan mulut, pastikan ia dipasang dan diikat dengan kemas
- 3 Elakkan menyentuh bahagian hadapan topeng muka. Sekiranya perlu, cuci tangan selama 20 saat sebelum sentuh.
- 4 Tanggalkan topeng muka tanpa memegang bahagian hadapan topeng. Buang ke dalam tong sampah yang bertutup.
- 5 Cuci tangan sekali lagi selama sekurang-kurangnya 20 saat.





Image credits: Angel N. Desai, and Preeti Mehrotra. JAMA, 2020-03-04. doi:10.1001/jama.2020.2331



# PENCEGAHAN JANGKITAN

## PENCEGAHAN & KAWALAN JANGKITAN BAGI PREMIS FARMASI

### WAKTU PERNIAGAAN

- Sesuaikan waktu perniagaan berdasarkan bilangan kakitangan, walaubagaimanapun waktu perniagaan haruslah dapat memberi perkhidmatan yang minima mengikut keperluan ubat ubatan dan pesakit
- Sekiranya terdapat sebarang pertukaran pada waktu perniagaan, waktu perniagaan yang baru harus **DINYATAKAN SECARA TERANG DAN NYATA** kepada pihak awam di luar premis farmasi.

### AKSES KE DALAM PREMIS FARMASI / RUANG AM

- HAD kemasukan orang awam ke dalam farmasi. Servis layan dri di dalam premis farmasi haruslah dihadkan untuk mengawal risiko jangkitan melalui sentuhan pada objek yang sama. Digalakkan untuk membuat saringan suhu sebelum membenarkan kemasukan ke dalam farmasi.
- Ahli farmasi boleh menghadkan kemasukan ke dalam farmasi dengan cara cara berikut: -
  - Melakukan SISTEM SATU ARAH PERGERAKAN keluar masuk ke dalam farmasi.
  - MENGHADKAN KEMASUKAN pengunjung farmasi dengan mengadakan penghalang dimana produk hanya diambil oleh KAKITANGAN FARMASI TERTENTU sahaja.
  - Menghalang sepenuhnya kemasukan pengunjung ke dalam premis farmasi dan menyediakan kaunter pendispensan ubat di pintu hadapan premis farmasi
  - Pendispensan ubat atau produk perubatan melalui meja atau pintu kecil.

Penghantaran dan pembekalan ubat ubatan ke farmasi turut perlu dihadkan. Sehubungan dengan itu, pembekalan stok ke dalam farmasi perlu dilakukan oleh kakitangan farmasi tersebut sahaja. Tambahan lagi, alatan pengangkutan seperti troli oleh pembekal peralatan dan ubat ubatan perlu dibersihkan dan dinyahkuman sebelum dibenarkan masuk ke dalam premis farmasi.

### SENARAI DISINFEKTANT BAHAN AKTIF & KEPEKATAN YANG BERKESAN UNTUK MEMBASMI COVID-19 (DGN MASA KONTAKT)

- (1) Hydrogen Peroxide (0.5%) (1 min)
- (2) Benzalkonium Chloride (0.05%) (10m)
- (3) Chloroxylenol (0.12%) (10 min)
- (4) Ethyl alcohol (70%) (10 min)
- (5) Iodine dalam Iodophor (50ppm) (10m)
- (6) Isopropanol (50%) (10m)
- (7) Povidone-iodine (1% iodine) (1 min)
- (8) Sodium Hypochlorite (0.05-0.5%) (5m)
- (9) Sodium Chlorite (0.23%) (10m)

Ref: NEA Singapura (23hb Mac 2020)



### NOTIS KEPADA PESAKIT/ PENGUNJUNG FARMASI

Tampilkan notis pada pintu hadapan premis farmasi bagi menerangkan langkah langkah pencegahan dan saranan yang perlu dipatuhi oleh pesakit atau pengunjung sebelum memasuki premis farmasi seperti berikut

- (1) Menghadkan bilangan pesakit atau pengunjung pada satu satu masa
- (2) Mengurangkan waktu berada di dalam farmasi
- (3) Menyahkuman tangan sebelum memasuki farmasi
- (4) Memastikan jarak antara pesakit pesakit dan kakitangan farmasi di dalam lingkungan 1-2 meter (lihat pernyataan di bawah)
- (5) Jangan keluar daripada kawasan yang dibenarkan (sekiranya ada)
- (6) Sekiranya anda batuk dan bersin, tutup mulut dan hidung anda dengan tisu pakai buang atau ke dalam lipatan siku anda
- (7) Elakkan berjabat tangan atau berdiri secara dekat antara satu sama lain di dalam farmasi
- (8) Pesan dahulu ubat atau alatan perubatan keperluan anda sebelum datang ke farmasi melalui telefon bagi mengurangkan waktu berada di dalam farmasi.
- (9) Elakkan masuk ke dalam farmasi sekiranya anda berumur atau mempunyai penyakit kronik. Dapatkan khidmat bantuan saudara yang terdekat.
- (10) Bersikap jujur dengan perawat perubatan mengenai kondisi kesihatan anda, sejarah perjalanan atau sebarang informasi yang relevan

**HYDROXYCHLOROQUINE & COVID-19 PREVENTION**

Hydroxychloroquine is currently indicated for the treatment of patients with malaria and autoimmune diseases, including systemic lupus erythematosus (SLE) and rheumatoid arthritis (RA).

The use of hydroxychloroquine on hospitalized COVID-19 patients in various countries was only based on a few in-vitro experiments, case studies and non-randomised clinical trials.

Currently, clinical trials are still ongoing to determine if hydroxychloroquine is safe and effective to prevent COVID-19 infections before and after being exposed to the virus.

Hence, there is **NO** recommendation over the use of hydroxychloroquine to **PREVENT** COVID-19 infections. Long-term improper use of hydroxychloroquine may result in serious complications, e.g. retinopathy or cardiotoxicity (when combined with azithromycin).

**HONESTY IS THE BEST POLICY. ESPECIALLY WHEN DISCUSSING COVID-19.**

Giving incomplete or inaccurate information to healthcare providers can endanger your life.

And there's #Don'tLieToUs

Malaysian Pharmaceutical Society  
www.mps.org.my

**DAPATKAN POSTER COVID-19 TERKINI DARIPADA MPS**



## PENJARAKKAN SOSIAL 'SOCIAL DISTANCING'

- Hadkan bilangan pesakit/pengunjung yang dibenarkan untuk masuk ke premis farmasi pada satu masa. Bilangan pesakit/pengunjung yang dibenarkan adalah berdasarkan saiz premis masing-masing.
- Tetapkan jarak selamat sekurang-kurangnya 1 meter apabila melayan pengunjung/pesakit
- Nasihatkan pesakit/pengunjung untuk menetapkan had jarak sebanyak 1 meter di antara mereka sewaktu menunggu untuk dilayani. Gunakan pita penanda di atas lantai untuk menunjukkan kawasan menunggu yang dibenarkan.
- Tandakan kawasan larangan untuk berhimpun dan kawasan dispensari ubat
- Gunakan dulang untuk mengambil preskripsi atau senarai ubat, mendispens ubat dan proses pembayaran jika perlu.
- Hadkan interaksi bersama pesakit/pengunjung seminima mungkin. Nasihati pesakit hanya untuk bercakap sekiranya memerlukan penerangan.

## DI KAUNTER PENDISPENSAN UBAT

- Sekiranya dibenarkan, peruntukkan hanya seorang kakitangan di setiap kaunter atau kawasan di dalam premis dan elakkan pemindahan kawasan dan perjumpaan/berkumpul.
- Kosongkan kaunter dispensari daripada objek yang tidak penting untuk mengelakkan kontaminasi. Lap dan nyahkuman kaunter selepas setiap pesakit.
- Sediakan larutan berasaskan alcohol berdekatan untuk menyahkuman setiap kali berhubung dengan pesakit.
- Sekiranya anda menjalankan ujian saringan perubatan di premis seperti pemeriksaan glukos dalam darah, tekanan darah dan kolesterol atau mempromosikan servis yang memerlukan sentuhan terus dengan pesakit, gunakan topeng muka, sarung tangan dan pelindung mata.

## CADANGAN LAIN

- Sediakan 'hand sanitizer' di kawasan kawasan strategik di dalam farmasi (di pintu hadapan, kaunter) untuk kegunaan kakitangan dan pesakit/pengunjung.
- Menggalakkan penggunaan e-wallet atau kad kredit untuk mengurangkan pertukaran wang kertas. Sekiranya menggunakan kad kredit, galakkan pembayaran secara tanpa-sentuh atau wireless dan sekiranya nombor pin diperlukan, bersihkan terminal kad selepas setiap transaksi.
- Galakkan kakitangan yang pesakit untuk duduk di rumah. Periksa suhu badan kakitangan farmasi setiap hari dan simpan sebagai rekod. Kakitangan yang menghidapi masalah simptom respiratori mesti diarahkan untuk tidak hadir ke tempat kerja.

## MAKLUMAT PENCEGAHAN KEPADA KOMUNITI AWAM.

Individu tanpa gejala pernafasan perlu

- Mengelakkan perhimpunan besar-besaran dan kawasan bersesak.
- Mengehadkan jarak sekurang-kurangnya 1 meter daripada individu yang menunjukkan simptom respiratori (batuk, bersin)
- Melakukan 'hand hygiene' secara berkala menggunakan 'hand-sanitizer' beralkohol atau dengan sabun dan air.
- Sekiranya batuk atau bersin, tutup mulut dan hidung dengan tisu pakai-buang dan buang tisu dengan serta merta dan amalkan 'hand-hygiene'. Sekiranya akan tidak mempunyai tisu, batu atau bersin ke dalam lipatan siku
- Elakkan menziarahi pesakit berumur di kediaman atau di rumah orang-orang tua buat masa ini.



# PENGURUSAN BEKALAN FARMASEUTIKAL

MEMASTIKAN KESINAMBUNGAN BEKALAN UBAT PESAKIT SEWAKTU SITUASI COVID-19

MEMASTIKAN BEKALAN MENCUKUPI	PENGUNAAN SECARA RASIONAL	MEMPROMOSI AKSES KEPADA UBAT-UBATAN	BERSATU DAN BEKERJASAMA
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memastikan stok ubat penting mencukupi</li> <li>• Ahli farmasi bertanggungjawab untuk membuat pembelian, penyimpanan dan edaran bekalan ubat.</li> <li>• Menyenaraikan ubat ganti untuk disyorkan kepada pesakit</li> <li>• Menyediakan senarai pembekal alternatif untuk memastikan bekalan ubat yang mencukupi.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengehadkan pendispensan ubat untuk mengelakkan pembelian panik.</li> <li>• Menguatkuasa penggunaan ubat secara rasional. Ahli farmasi perlu memastikan ubat didispens kepada yang benar-benar memerlukan.</li> <li>• Elakkan memberi ubat pelega bagi pesakit dengan gejala respiratori dan rujuk segera ke fasiliti kesihatan berdekatan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sekiranya terjadinya perintah kawalan pergerakan, farmasi memainkan peranan penting dalam memastikan sambungan ubat-ubatan kepada pesakit tidak terganggu</li> <li>• Servis tambahan seperti penghantaran ubat ke rumah pesakit COVID-19 atau mana mana pesakit kronik boleh dipertimbangkan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sewaktu pandemik COVID-19 sedang berleluasa, ahli-ahli farmasi dan ahli perubatan perlu bekerjasama sebagai sepasukan</li> <li>• Kongsi sumber dan bekalan dalam usaha memberi perkhidmatan terbaik kepada pesakit</li> <li>• Perbincangan bersama dan pertukaran idea dan Exchange of ideas and experience is essential in times of crisis</li> </ul>

## RUJUKAN

- (1) Federation of Asian Pharmaceutical Associations. 16 March 2020 Preparing Community Pharmacies for the COVID-19 Pandemic. <http://fapa.asia/wp-content/uploads/2020/03/FAPA-PREPARING-COMMUNITY-PHARMACIES-FOR-THE-COVID-19-PANDEMIC.pdf>
- (2) Centers for Disease Control and Prevention. Coronavirus Disease 2019 (COVID-19). Last accessed: March 19, 2020 <https://www.cdc.gov/coronavirus/2019-ncov/index.html>
- (3) Centers for Disease Control and Prevention. Infection Control. Last accessed: March 19, 2020. <https://www.cdc.gov/infectioncontrol/index.html>
- (4) International Pharmaceutical Federation. 6 February 2020, Updated 19 March 2020. Coronavirus SARS-CoV-2 / COVID-19 Pandemic: Information and interim guidelines for pharmacists and the pharmacy workforce. Available at: <https://www.fip.org/coronavirus>
- (5) World Health Organization. Rolling Updates on Coronavirus Disease (COVID-19). Updated March 11, 2020. Last accessed: March 16, 2020. <https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019/events-as-they-happen>
- (6) National Environment Agency, Singapore. 4 February 2020, Revised 1 March 2020. Interim List of Household Products and Active Ingredients for the Disinfection of COVID 19 Virus. <https://www.nea.gov.sg/our-services/public-cleanliness/environmental-cleaning-guidelines/guidelines/interim-list-of-household-products-and-active-ingredients-for-disinfection-of-covid-19>
- (7) The Pharmacy Guild of Australia. March 2020. COVID-19 – Guide for Community Pharmacy. [https://www.guild.org.au/\\_data/assets/pdf\\_file/0033/88809/COVID-19-GUIDE-for-Community-Pharmacy-March-2020\\_050320.pdf](https://www.guild.org.au/_data/assets/pdf_file/0033/88809/COVID-19-GUIDE-for-Community-Pharmacy-March-2020_050320.pdf)
- (8) Ministry of Health Malaysia. March 2020. Guidelines 2019 Novel Coronavirus (COVID-19) Management in Malaysia. <http://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/2019-ncov-wuhan-guidelines>

## PENGHARGAAN

MPS menghargai ahli-ahli berikut yang bersama sama membantu dalam mengusahakan dokumen ini.

*Penyunting:*

**Amrahi bin Buang**

*Penulis:*

**Lim Jack Shen**

*Penyumbang:*

**Harpreet Kaur a/p Darshan Singh**

**Gina Koay Wan Lee**

**Mariani Ahmad Nizaruddin**

**Nadia Denise Ibrahim**

**Tan Zhi Shan Sujata**

**Teoh Cherh Yun**

**Thum Enn Yi**

**Chistine Ching Benosa (FAPA)**

*Penterjemah:*

**Sharifah Nadia Syed Mohammad Salleh**

**Noor Shukriah Hassan**

**PERSATUAN FARMASI MALAYSIA (MPS)**

Wisma MPS, 16-2, Jalan OP1/5, 1-Puchong Business Park, Off Jalan Puchong, 47160 Puchong, Selangor, Malaysia.

Email: [mps.online2@gmail.com](mailto:mps.online2@gmail.com)